

Gerik, Lenggong, Batu Gajah banjir kilat



KEADAAN banjir kilat di Gerik. FOTO hsan Bomba

Facebook 8K Twitter Share 8K

Muhamad Izzat Nasuruden
am@hmetro.com.my

Ipoh: Hujan lebat lebih dua jam bermula 4 pagi mengakibatkan beberapa kawasan di Perak alami banjir kilat antaranya di Gerik, Lenggong dan Batu Gajah, hari ini.

Namun tiada pusat pemindahan dibuka.

Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkata, di Gerik, lima kawasan iaitu Kampung Air Sudah, Kampung Ramasamy, Pasar Awam Gerik, Jalan Takong Datok dan Kampung Padang dinaiki air setinggi 1.2 meter.

Menurutnya, bomba terpaksa menggunakan bot untuk memindahkan seorang mangsa yang terperangkap di pasar awam dan membawanya ke lokasi lebih selamat.

Katanya, di Lenggong pula, sebuah rumah di Kampung Beng dinaiki air setinggi 0.5 meter dan pemantauan dilakuka bomba sebelum air mulai surut 7 pagi tadi.

"Di Batu Gajah pula, kesesakan jalan raya berlaku selepas air melimpah ke jalan utama di Tanjung Tualang dan pemantauan bomba mendapati keadaan masih terkawal.

"Setakat ini tiada keperluan untuk membuka pusat pemindahan di semua lokasi ini," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 20 November 2016 @ 10:03 AM

Mutakhir

- Kalau sudah tiba ajal
- Doktor didenda RM20,000
- Bekas pelajar tahfiz didakwa pukul lelaki
- Qunut Nazilah demi Islam Rohingya
- Ragut rumput, terjatuh longkang
- Kakak stabil
- Warga emas diragut, dipukul
- Dapat khidmat helikopter
- Rahsia kedai aksesori telefon bimbit terbongkar
- Sokong dedah identiti